

Abdul Khalid cuba perbodohkan rakyat

KUALA LUMPUR 30 Ogos - Ketuaan Menteri Besar Selangor, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berhubung manifesto pembangkang dalam menjanjikan bekalan air percuma sebagai 'bukan satu perjanjian' merupakan cubaan untuk memperbodohkan rakyat di negeri itu.

Profesor Politik dan Kerajaan, Jabatan Pengajian, Kenegaraan dan Ketamadunan, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Dr. Jayum Jawan berkata, ini kerana manifesto itu sendiri boleh didefinisi sebagai perjanjian atau tawaran parti-parti politik jika mereka mendapat kuasa hasil sokongan rakyat.

"Jika bukan perjanjian, mengapa bekalan air percuma diletak dalam manifesto? Manifesto adalah sesatu yang hendak dikotakan. Ia satu perjanjian kepada rakyat untuk menarik sokongan."

"Kalau sudah mendapat sokongan dan menang, kita perlu menunaikan janji," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Abdul Khalid bahawa manifesto pembangkang pada Pilihan Raya Umum Ke-12 yang menjanjikan bekalan air kegunaan domestik secara percuma sebanyak 20 meter padu pertama setiap bulan tanpa menyatakan syarat pengguna mesti menggunakan meter individu, sebagai

'bukan satu perjanjian'.

Jayum berkata, kenyataan dolak-dalik Abdul Khalid itu jelas menggambarkan kelemahan pentadbiran Kerajaan PKR Selangor memandangkan isu bekalan air adalah satu masalah besar yang sedang dihadapi rakyat di negeri itu.

"Ia juga satu cubaan mengabui mata rakyat. Jika tawarkan sesuatu dan tak buat, itu satu cubaan memperbodohkan rakyat," tegasnya.

Sementara itu, Geostrategis Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Dr. Azmi Hassan berkata, kenyataan Abdul Khalid itu memberi mesej jelas kepada rakyat terhadap janji-janji yang akan ditaburi pembangkang

menjelang pilihan raya umum nanti.

"Manifesto akan datang mungkin tidak boleh dipercayai 100 peratus. Saya rasa pengundi di Selangor sudah dapat membaca tentang kenyataan Abdul Khalid itu.

"Mungkin beliau tersebut sebab tak dapat melunaskan janji. Tiada cara lain, maka beliau cuba memesongkan maksud manifesto pula," katanya.

Sementara itu Penyelaras Barisan Nasional (BN) Selangor, Dato' Seri Ir Mohd Zin Mohamed menyifatkan kenyataan Abdul Khalid sebagai tidak bertanggungjawab.

Katanya, kenyataan tersebut menunjukkan bahawa pakatan pem-

bangkang cuma pandai menabur janji, tetapi tidak mahu menepatinya.

"Manifesto adalah pernyataan atau pengisyhtaran bertulis yang menyatakan niat, motif atau pandangan pihak yang mengisyhtiharkannya, dan ia turut ditafsirkan sebagai janji kepada rakyat ketika kempen pilihan raya.

"Mereka menjanjikan bulan dan bintang ketika kempen pilihan raya semata-mata untuk menagih undi tetapi apabila tidak mampu menepatinya, mereka sewenang-wenangnya memutarbelitkan ayat menyatakan bahawa ia bukan janji," katanya seperti dilaporkan oleh portal *The Malaysian Times* (TMT) hari ini.